

Jangan terima tawaran Singapura

um - 11/12/2006

JOHOR BAHRU 10 Dis. - Ahli Parlimen Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad meminta kerajaan negeri menolak sebarang usaha oleh syarikat milik kerajaan Singapura (GLC Singapura) untuk membeli ekuiti dalam projek monorel yang akan dilaksanakan di bandar raya ini bernilai RM3 billion.

Katanya, Jalur Mudra Sdn. Bhd. (JMSB), syarikat tempatan yang telah diberikan kebenaran untuk menyiapkan projek tersebut, tidak harus memberi ruang kepada mana-mana GLC Singapura menyertai projek yang dikendalikannya.

"Permintaan sedemikian tidak patut dilayan langsung kerana ia merupakan cadangan yang mengarut," katanya selepas menutup Program Gerak Tumpu Ke Arah Kampung Melayu Bebas Dadah di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai minat sebuah syarikat Singapura, SMRT Corporation (SMRT) untuk menyertai projek tersebut.

SMRT ialah syarikat pengendali pengangkutan awam Singapura yang mana 55 peratus sahamnya dimiliki

oleh cabang pelaburan kerajaan Singapura, Temasek Holdings.

Syarikat itu pada Rabu lalu menyatakan minatnya untuk menjadi rakan teknologi atau pengurus bersama dengan JMSB bagi menyiapkan projek tersebut pada 2011.

Menurut Shahrir, projek monorel itu tidak memerlukan penglibatan mana-mana syarikat asing kerana ia mampu dikendalikan sendiri oleh kepakaran tempatan.

Katanya, cadangan pelaksanaan projek kereta api laju oleh YTL Corporation juga tidak sepatutnya melibatkan Singapura.

Beliau berkata, jika projek itu mahu diteruskan ke Singapura dan tidak berhenti di sini bermakna mesti ada jambatan baru dibina untuk dilalui oleh kereta api laju itu.

"Ini juga cadangan yang melucukan. Singapura pernah menolak cadangan pembinaan jambatan baru ke sana tetapi kini mahu projek kereta api laju berhenti di republik itu," katanya.

Bagaimanapun, kata Shahrir, syarikat Singapura tidak dihalang untuk menyertai projek dalam Wilayah Pembangunan Iskandar (PWI) kerana mana-mana pelabur asing dialu-alukan untuk membantu menjayakan projek tersebut.

Katanya, adalah tidak wajar syarikat Singapura dihalang daripada menyertai WPI.